

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 16/01/2017

Edisi / Muka Surat : Nasional / 17

Angkasa yakin capai sasaran RM50 bilion

um 16/1/2017
(m/s. 17)

KUALA TERENGGANU 15 Jan. -

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) percaya mampu mencapai sasaran perolehan RM50 bilion menjelang 2020 berdasarkan pembabitan koperasi dalam pebagai sektor perniagaan berimpak tinggi.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, keyakinan itu juga berdasarkan perolehan aktiviti yang disumbangkan lebih 13,000 koperasi berdaftar di seluruh negara yang telah mencecah RM35.6 bilion tahun lalu.

Katanya, sektor-sektor perniagaan berimpak tinggi itu meliputi kewangan, pelancongan, kesihatan, perladangan, pertanian, hartanah, telekomunikasi, bekalan tenaga solar selain sektor pemborongan dan peruncitan.

"Kita yakin sasaran RM50 bilion dapat dicapai kerana kita mempunyai strategi dan koperasi perlu terlibat dalam lapan sektor perniagaan berimpak tinggi."



Kita yakin sasaran RM50 bilion dapat dicapai kerana kita mempunyai strategi dan koperasi perlu terlibat dalam lapan sektor perniagaan berimpak tinggi."

ABDUL FATTAH ABDULLAH
Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad

perlu terlibat dalam lapan sektor perniagaan berimpak tinggi," katanya dalam sidang media selepas merasmikan majlis Diskusi Hala Tuju Koperasi Dalam Sektor Pertanian Bersama Pemimpin

Angkasa di sini baru-baru ini.

Majlis itu dihadiri Naib Presiden Angkasa, Datuk Aliasak Ambia; Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Pembentukan Syariah Angkasa Berhad (Kopsya), Datuk Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa dan Pengurus Angkasa Terengganu, Mohamed Jais Hassan.

Mengulas mengenai projek membekalkan tenaga solar, Abdul Fattah berkata, projek itu yang mula dilaksanakan Disember lalu di atas keluasan tanah 1.6 hektar di Sungai Tiang, Kedah dijangka mula beroperasi April ini.

Menurutnya, projek perintis itu membolehkan tenaga solar dibekalkan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi kegunaan seluruh negara yang berkapasiti 1 kilowatt (kW) membabitkan kontrak selama 21 tahun.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia